

U 8401 DES
MAHATHIR - MCA

KUALA LUMPUR, 21 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA HUBUNGAN ANTARA UMNO DENGAN MCA ADALAH SEPERTI BIARA DAN TIDAK SEBURUK YANG DIGAMBARKAN OLEH PIHAK AKHBAR.

PIHAK AKHBARLAH MEMBERI GAMBARAN KOMONNYA HUBUNGAN ANTARA KEDUA PARTI ITU TIDAK BAIK, KATANYA KEPADA PARA PEMERITA BEKEMBALINYA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG DI SINI PETANG INI SETELAH MENGHADIRI PERSIDANGAN KETUA-KETUA NEGARA KOMAMWEL DI VANCOUVER, KANADA.

+SAYA TIDAK MAMPAKUN SEPERTI YANG DIKATAKAN, SAYA LIHAT ADA MENTERI-MENTERI KABINET DARIPADA MCA DATANG JUMPA RAYA, DATUK LEE KIM SAI PUN ADA SAMA DAN SAYA ADALAH DARI UMNO, KAMI MASIH BERTEGUR SAMA, + KATANYA BILA DITANYA SAMA ADA BELIAU AKAN MEMANGGIL MENTERI-MENTERI MCA UNTUK DIBERI NASIHAT.

INI BERIKUTAN TINDAKAN MCA MEMSERTAI PEMBANGKANG DAP DAN PERTUSUHAN-PERTUSUHAN CINA MENDESAK KERAJAAN MEMARIK BALIK KENAikan PANGKAT GURU PENOLONG KANAN DAN GURU BESAR SEKOLAH CINA YANG TIDAK FASIH BERBAHASA MANDARIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR SEBELUM ITU MENASIHATKAN PIHAK AKHBAR SUPAYA JANGAN MENYIARKAN BERITA-BERITA YANG BERDASARKAN KENYATAAN YANG MENYINGGUNG PERASAAN MANA-MANA PIHAK. - LABI.

1987MST 21 10 87

U 8402 DES

MAHATHIR - MCA 2 KUALA LUMPUR

KATANYA SEMUA ORANG TERMASUK PIHAK AKHBAR PERLU MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB MEMELIHARA PERPADUAN, KESTABILAN DAN KEMAKMURAN NEGARA DAN BUKANNYA MENTERI-MENTERI KABINET DAN ORANG POLITIK SAHAJA.

BELIAU BERKATA PIHAK AKHBAR TIDAK HARUS MEMINTA SESEORANG MEMBUAT KENYATAAN YANG PROVOKATIF MENGENAI SESUATU YANG SEMENTIF DAN KEMUDIAN MEMINTA REAKSI PIHAK LAIN BILA UNTUK DISTARKAN KERANA INI AKHIRNYA MENYEBARKAN MEREKA BERSELESIH FAHAM.

+SAYA INGIN MENASIHATKAN PIHAK AKHBAR SUPAYA MEMAINKAN PERANAN MEREKA DENGAN BERTANGGUGJAWAB JIKA KITA SEMUA KOMITED HENDAKKAN NEGARA INI STABIL DAN MAKMUR, + KATA BELIAU.

MENGENAI USUL PERGERAKAN PEMUDA UMNO KEPADA PUCUK PIMPINAN KERAJAAN SUPAYA MEMECAT DATUK LEE KIM SAI DARIPADA KABINET KERANA ISU SEKOLAH CINA ITU, BELIAU BERKATA USUL ITU BELUM DITERIMANYA.

MENYENTUH TENTANG KEPUTUSAN 11 ORANG ANGGOTA UMNO UNTUK MEMERUSKAN SAMAN TERHADAP PARTI ITU DI MAHKAMAH KERANA MEMAKWA PERHIMPUNAN AGUNG PARTI ITU YANG LEPAS TIDAK SAH, BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA SETIAUSAHA AGUNG UMNO DATUK SERI SANUSI JUNID AKAN MENGEMUKAKAN LAPORAN KEPADANYA. - BERNAMA.

2001MST 21 10 87